

KENYATAAN MEDIA

11 JUN 2018

ST Serbu Kilang Usik Pemasangan Meter Milik TNB

Putrajaya, 11 Jun – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini menyerbu sebuah kilang di Menglembu, Ipoh, Perak, kerana disyaki melakukan pengusikan terhadap pemasangan meter milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Hasil pemeriksaan lengkap dari serbuan yang dilakukan pada 4 April lalu itu mendapati premis tersebut telah membuat pengusikan pada pemasangan meter milik TNB yang merupakan satu kesalahan di bawah Subseksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990. Sekiranya didapati bersalah, hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun boleh dikenakan.

ST memandang serius dan sentiasa berusaha mengekang dan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kes pengusikan pemasangan meter dengan menjalankan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

Ini kerana tindakan tersebut bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada negara, tetapi juga mengundang bahaya kepada pelaku dan orang ramai apabila aspek keselamatan berkaitan elektrik diabaikan. Adalah menjadi tanggungjawab ST sebagai badan kawal selia industri tenaga untuk memastikan perlindungan keselamatan kepada pengguna secara keseluruhannya.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my/ ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.